

Pimpinan Dr M menarik rakyat sokong Barisan

Oleh NAZAR ABDUL

KALANGAN politik m e r a m a l k a n ketokohan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengatasi segala faktor memberi kejayaan cemerlang kepada Barisan Nasional di Kedah.

Rakyat akan memandang tinggi terhadap kepimpinan dan jasa Datuk Seri Dr. Mahathir dengan memberi sokongan kepada Barisan Nasional sebagai mandat untuk terus memimpin negara.

Sungguhpun pada mata kasar, Barisan Nasional ditentang hebat PAS di Kedah, namun ketokohan Datuk Seri Dr. Mahathir m e n d o r o n g kemenangan bagi calon-calon Barisan Nasional.

Keupayaan Datuk Seri Dr. Mahathir yang menunjukkan kepimpinan yang baik dan berkesan akan membuat rakyat tidak ada pilihan melainkan memilih Barisan Nasional bagi menjamin kesejahteraan masa depan mereka.

Tambahan pula, sebagai anak Kedah, Perdana Menteri menjadi kebanggaan serta harapan rakyat bumi Jelapang Padi Malaysia ini dalam menepuh masa depan yang lebih gemilang dan berjaya.

Baik kawan mahupun lawan pasti mengakui ketokohan Datuk Seri Dr. Mahathir kerana berjaya membawa stail pemerintahan yang amat mengkagumkan dengan membuat berbagai pembaharuan dan pendekatan yang berkesan.

Kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir bukan sahaja di-sanjungi di negara ini, malah mendapat perhatian di peringkat antarabangsa khususnya, di kalangan negara-negara Asean dan Islam.

Kini, menjelang pilihanraya umum 22 April ini, Kedah menjadi tumpuan utama para pemerhati politik tanah air dan juga luar negeri.

Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri akan bertanding mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu dan akan ditentang oleh Timbalan Presiden PAS, Haji Yusof Rawa.

Menentukan

Selain itu, tokoh-tokoh Barisan Nasional seperti Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahr Shahabuddin akan juga bertanding.

Tokoh-tokoh PAS yang menjadi perhatian ialah Setiausaha Agungnya, Datuk Haji Abu Bakar bin Umar, Naib Presiden PAS, Ustaz Fadzil Noor, bekas Setiausaha Agung, Ustaz Nakhah bin Haji Ahmad dan Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah, Datuk Sudin Wahab.

Menang atau kalah, Datuk Seri Dr. Mahathir dan rakan-rakannya akan menentukan masa depan pucuk pimpinan negara dan Negeri Kedah untuk lima tahun akan datang.

Bagi PAS pula, sebarang keputusan pilihanraya di Kedah akan menentukan perjuangannya serta nasib parti di negara ini.

Pilihanraya di Kedah boleh disifatkan sebagai pertarungan menentukan pengaruh kepimpinan Barisan Nasional dan PAS dan peranan anak-anak Perah dalam perancangan politik negara.

Kalangan politik berpendapat, selain ketokohan Datuk Seri Dr. Mahathir, ketokohan calon-calon Barisan turut membantu mengatasi calon-calon parti lawan.

pengundi 43,583 orang.

Haji Yusof, 59, bekas Duta Malaysia ke Iran pernah mengalahkan

Datuk Seri Dr. Mahathir, 56, dalam tahun 1969 bagi kerusi Kota Setar Selatan.

Dalam pilihanraya 1974, Datuk Seri Dr. Mahathir menang tanpa bertanding di Kubang Pasu dan dalam tahun 1978, beliau memenangi kerusi tersebut dengan majoriti 8,245 undi mengalahkan Encik Halim Arshad dari PAS.

Dalam pertemuan kedua mereka, Datuk Seri Dr. Mahathir mempunyai banyak kelebihan dari Haji Yusof yang dianggap sebagai "calon yang diimport dari Pulau Pinang."

Selain faktor penyertaan Haji Yusof dalam pilihanraya kali ini, perlu diambil kira bagi m e r a m a l k a n kemenangan Datuk Seri Dr. Mahathir.

Kalangan politik mengetahui, Haji Yusof bertanding menentang Datuk Seri Dr. Mahathir atas kehendak dan desakan parti dan beliau menerima keputusan itu dengan hati yang berat.

Penyokong-penyokong UMNO pula mensifatkan Haji Yusof sebagai salah satu 'korban' pucuk pimpinan PAS terhadap mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin muda seperti Ustaz Fadzil Noor dan Ustaz Nakhah bin Haji Ahmad.

Haji Yusof bertanding kerusi Parlimen Kubang Pasu di Kedah dan kerusi Negeri Nibong di Pulau Pinang.

Orang ramai percaya Haji Yusof telah diperalatkan untuk pucuk pimpinannya m e m b a n t u kemenangan DAP di Sungai Nibong kerana PAS amat sukar memenangi kerusi tersebut kerana majoriti pengundinya adalah orang-orang Cina.

Mempertahan

Kerusi-kerusi Negeri dalam Kubang Pasu iaitu Jitra dan Tunjung dianggap selamat dan boleh dimenangi oleh Barisan Nasional walaupun menerima tentangan kuat dari calon-calon PAS.

Ahli Exco Negeri, Datuk Haji Osman Afoff akan mempertahankan kawasan Jitra yang dicabar oleh calon PAS, Haji Salleh bin Yaacob, 45, seorang peniaga manakala Ketua Pemuda UMNO Kedah, Haji Hanafi bin Ramli akan bertaring dengan Setiausaha Penerangan PAS Kedah, Encik Abu Kassim bin Abdullah bagi kawasan Tunjung.

Pertarungan sengit dijangka berlaku di kerusi Parlimen Jerlun-Langkawi di mana Datuk Sanusi Junid akan ditentang oleh bekas rakan sekernya di Shamelin, Encik Halim Arshad.

Bagaimanapun, Datuk Sanusi mempunyai peluang cerah untuk mengalahkan Encik Halim memandangkan ketokohan kepimpinan beliau sejak penyertaan Kerajaan Pusat.

Encik Halim pernah bertanding menentang Datuk Seri Dr. Mahathir di Kubang Pasu dalam tahun 1978 tetapi kalah dengan 8,245 undi.

Bagi kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahr Shahabuddin dijangka menahang dengan mudah bagi kawasan Langkawi. Pencabarnya ialah calon PAS, Haji Othman bin Bakar, 40, seorang imam.

Kepimpinan dan jasa Datuk Seri Syed Nahr kepada penduduk pulau Langkawi sukar ditandingi oleh Haji Othman yang juga Yang Dipertua PAS Langkawi.

Barisan Nasional mengemukakan muka baru Encik Yusof bin Abdul Rahman bagi merebut kawasan Jerlun yang dimenangi oleh orang kuat PAS, Datuk Haji Abu Bakar Umar tahun 1978.